

## Persepsi Pelajar Tahfiz Terhadap Tahap Modul Bahasa Arab di Selangor

### *Student's Perception Towards Arabic Language Module in Selangor*

Ku Fatahiyah Ku Azizan<sup>1</sup>, Farah Nur-Rashida Rosnan<sup>2</sup>, Wazzainab Ismail<sup>3</sup>,  
Hanis Najwa Shahrudin<sup>4</sup>

#### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar tahfiz terhadap tahap modul pembelajaran bahasa Arab di Darul Quran JAKIM dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah dibina oleh penyelidik dan disahkan oleh panel rujukan pakar. Pekali kebolehpercayaan cronbach alpha pada keseluruhan 46 item ialah tinggi iaitu 0.956. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap penilaian bagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz. Teknik persampelan rawak digunakan dengan melibatkan seramai 279 sampel iaitu pelajar tahfiz di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pelajar tahfiz di Darul Quran (DQ) Jakim. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap modul pembelajaran bahasa Arab berada di tahap yang tinggi pada skor min 3.08. Walaupun persepsi pelajar tahfiz terhadap tahap modul pembelajaran adalah tinggi, modul bahasa Arab ini perlu sentiasa ditambah baik seiring dengan perkembangan semasa.*

**Kata Kunci :** Persepsi, Tahap, Modul, Pelajar Tahfiz, Selangor.

#### ABSTRACT

*The aim of this study is to examine the perception of tahfiz students towards the level of Arabic language learning modules in Darul Quran JAKIM and Selangor International Islamic University College. This study is a quantitative study using the questionnaire that has been developed by the researcher and confirmed by the expert reference panel. The cronbach alpha reliability coefficient of the whole 46 items was high at 0.956. The findings were analyzed using SPSS 21.0 software. Descriptive analysis is carried out by involving frequency, percentage, mean and standard deviation to identify the level of appraisal for Arabic language proficiency among the students of tahfiz. The random sampling technique was used by involving 279 samples namely tahfiz students at the Selangor International Islamic University College (KUIS) and Tahfiz students in Darul Quran (DQ) Jakim. The results showed that students' perceptions on Arabic language learning modules were high at the highest level min score: 3.08. Although the level of perceptions of the tahfiz students*

---

<sup>1</sup> Ku Fatahiyah binti Ku Azizan, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat pengajian Teras KUIS, kufatahiyah@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Farah Nur-Rashida binti Rosnan, Pensyarah Muda Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat pengajian Teras KUIS, farahnurrashida@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Wazzainab binti Ismail, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat pengajian Teras KUIS, wazzainab@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Hanis Najwa binti Shahrudin, Pensyarah Muda Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat pengajian Teras KUIS, hanisnajwa@kuis.edu.my

*towards the level of modules is high, the modules need to be constantly improved in tandem with current developments.*

**Keywords:** *Perception, Level, Module, Tahfiz Students, Selangor.*

## **Pengenalan**

Modul merupakan salah satu elemen penting dalam sesuatu pembelajaran bahasa. Melalui sorotan yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas berkaitan modul pengajaran bahasa Arab, belum ada kajian yang mengkaji persepsi pelajar tahfiz terhadap modul bahasa Arab di Malaysia.

Di antara kelemahan pengajaran dan pembelajaran seperti proses pengajaran banyak berpusat kepada guru, kurang bahan rujukan, alat bantu mengajar tidak mencukupi, guru banyak menterjemah, aktiviti dan latihan kurang dijalankan. (Rosni Samah, 2012). Penyataan ini disokong oleh kajian Nazri Atoh, Saipol Barin bin Hj. Ramli & Mohd. Zawawi Ag Hamat, (2014) yang jelas menyatakan bahawa bahasa Arab dianggap salah satu daripada mata pelajaran susah bagi sebahagian pelajar. Medium penyampaian P&P mestilah 80% dalam bahasa Arab (Azhar, Abdul Hafiz, Bushrah, Kamarul Azmi & Sulaiman, 2006, Rosni, 2012, Nazri, Saipol Barin & Mohd. Zawawi, 2014). Kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat pelajar dengan kualiti diri guru. (Mohammad Abdillah Samsuiman, Zamri Arifin & Miss Asma Benjaman, 2014).

Justeru, kajian ini cuba untuk mengetengahkan persepsi pelajar terhadap modul pembelajaran bahasa Arab secara lebih khusus. Kajian ini ingin melihat bagaimana tahap penguasaan pelajar tahfiz dalam pembelajaran bahasa Arab. Seperti yang kita sedia maklum, pelajar yang mengambil jurusan Tahfiz al-Quran wal Qiraat di IPT di Malaysia dalam masa yang sama perlu mengambil kursus wajib bahasa Arab yang ditawarkan oleh institusi-institusi tersebut. Namun demikian, berdasarkan kepada pemantauan yang diperolehi oleh pengkaji dan rakan-rakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KUIS mendapati bahawa ramai pelajar tahfiz yang telah menghafaz al-Quran dengan baik namun tidak dapat mengaplikasikan bahasa al-Quran dalam kursus wajib bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar kelas.

## **Pernyataan Masalah**

Sesuatu yang amat membimbangkan kerana terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan melibatkan peranan guru tahfiz dengan penguasaan pelajar tahfiz dalam memahami maksud ayat-ayat hafazan al-Quran. Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafaz, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu atau tarannum. Namun, aspek kefahaman dan penjaanaan berfikir dengan ayat-ayat yang dipelajari tidak dipentingkan. Aspek kefahaman inilah sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab. (Mahyuddin Ashaari, 2001). Pelajar tahfiz sepatutnya perlu mengetahui kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya (Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh, 2014).

Walaupun telah banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan bahasa Arab menerusi Al-Qur'an namun belum ada kajian yang dilakukan secara khusus untuk mengkaji serta membina modul bahasa Arab menerusi Al-Qur'an untuk pelajar tahfiz. Berdasarkan kepada permasalahan kajian ini, timbulnya beberapa persoalan dalam kajian iaitu apakah tahap persepsi pelajar tahfiz terhadap tahap modul pembelajaran bahasa Arab yang digunakan.

Oleh yang demikian, penyelidik telah menjalankan satu penyelidikan yang bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap modul pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz.

### **Latar Belakang Kajian**

Kebanyakan modul buku pengajaran bahasa Arab di Malaysia tidak memenuhi matlamat dan tidak mampu mencapai tahap keberkesanan bahasa Arab yang ingin dicapai khususnya dalam meningkatkan penguasaan individu ke arah memahami makna al-Quran. Berdasarkan kajian oleh Suhaila, Salamiah, Ummu Hani, Khazri, Zainuddin & Hakim (2012) di antara kekurangan dalam modul bahasa Arab yang sedia ada di Malaysia adalah kurangnya perbincangan tentang asas-asas perkataan yang digunakan dalam Al-Quran, kurangnya kaedah membaca penterjemahan ayat-ayat Al-Quran dengan bahasa yang mudah, kurangnya pentafsiran ayat Al-Qur'an melalui kaedah nahu sorof dan kurangnya rujukan melalui ayat-ayat Al-Quran per-kata.

Begitu juga kajian yang disokong oleh kajian oleh Nor Yazidah, Che Radiah, Nik Farhan & Mohd Sukki (2016) mendapati bahawa terjemahan al-Quran per-kata adalah salah satu bahan pembelajaran al-Quran yang banyak membantu penguasaan bahasa Arab, bahkan juga sangat diminati dan banyak membantu pelajar menambahkan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Farhana & Munirah (2015) mengkaji pendekatan Modul belajar bahasa Arab menggunakan al-Quran per-kata di peringkat awal yang diharap memberi kesedaran kepada pelajar bahawa proses pemahaman ayat al-Quran adalah menjadi kewajipan mutlak seseorang individu Muslim.

Salah satu modul yang telah diwujudkan ialah Modul Pendidikan Bahasa Arab al Furqaan dan Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan Quran Per Kata yang diinspirasi dari buku berjudul Amaaniina yang merupakan Muqaddam Juz Amma (juzuk terakhir dalam al-Quran bermatlamat untuk membakar semangat dan menggalakkan orang awam memahami al-Quran. Kedua-dua perkara tersebut amat membantu dalam memahami Bahasa Arab di dalam al-Quran.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar tahfiz untuk dua institusi ini dianggarkan sebanyak 500 orang. Oleh itu, sampel kajian terdiri daripada 279 orang, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi di DQ dan KUIS (Krejeceie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedar soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min persepsi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1:

**Jadual 1 Kategori Tahap Penilaian Min Skala Likert 4**

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber : Abdull Sukor (2008)

## Profil Demografi Kajian

Kajian ini menggunakan seramai 279 responden dengan demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan, institusi, semester pengajian dan jujuk yang telah dihafaz. . Kajian ini dianalisis secara frekuensi menggunakan aplikasi SPSS 21.0.

**Jadual 2 Profil Demografi Kajian**

Demografi	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina</i>		
Lelaki	146	52.3%
Perempuan	133	47.7%
<i>Umur</i>		
18-22 Tahun	262	93.9%
23-27 Tahun	14	5.0%
28-32 Tahun	2	0.7%
Lain-lain	1	0.4%
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah	114	40.9%
Diploma	195	59.1%
<i>Institusi</i>		
KUIS	147	52.7%
DQ	132	47.3%
<i>Semester Pengajian</i>		
Semester 1	6	2.2%

Semester 2	240	86.0%
Semester 3	33	11.8%
Semester 4	0	0%
<i>Juzuk yang telah dihafaz</i>		
0-10	162	58.1%
11-20	48	17.1%
21-30	69	24.7%

Jadual 2 menunjukkan berdasarkan jantina pelajar, seramai 146 orang (52.3%) pelajar lelaki dan seramai 133 orang (47.7%) pelajar perempuan. Berdasarkan umur, seramai 262 orang (93.9%) berumur antara 18 – 22 tahun. Seramai 14 orang (5.0%) berumur antara 23 – 27 tahun, seramai 2 orang (0.7%) berumur antara 28 – 32 tahun dan seramai 1 orang (0.4%) berumur 33 tahun dan ke atas. Berdasarkan tahap pendidikan, seramai 114 orang (40.9%) merupakan pelajar ijazah dan seramai 195 orang (59.1%) merupakan pelajar diploma. Bagi institusi pula, seramai 147 orang (52.7%) belajar di KUIS dan seramai 132 orang (47.3%) belajar di DQ. Bagi semester pengajian, seramai 6 orang (2.2%) masih berada pada semester 1, seramai 240 orang (86.0%) berada di semester 2, seramai 33 orang (11.8%) berada pada semester 3. Untuk juzuk yang telah dihafaz, seramai 162 orang (58.1%) menghafaz di antara 0-10 juzuk, seramai 48 orang (17.1%) menghafaz di antara 11 -20 juzuk dan seramai 69 orang (24.7%) menghafaz di antara 21-30 juzuk.

## Dapatan Kajian

**Jadual 3 Skor Min dan Sisihan Piawai Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Modul Bahasa Arab**

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Modul bahasa Arab yang digunakan sesuai untuk pelajar tahfiz.	3.15	.589	Tinggi
2	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan penguasaan saya dalam bahasa Arab.	3.20	.590	Tinggi
3	Modul bahasa Arab yang digunakan sukar bagi saya.	3.77	.730	Tinggi
4	Modul yang digunakan sesuai dengan kemampuan saya.	3.07	.532	Tinggi
5	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran bertutur saya.	2.87	.675	Sederhana
6	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya.	2.98	.605	Sederhana
7	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab saya.	3.06	.569	Tinggi
8	Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran membaca teks-teks Arab.	3.06	.646	Tinggi
9	Pensyarah berpengalaman dalam mengajar bahasa Arab.	3.55	.553	Tinggi
10	Pensyarah menerangkan pembelajaran dalam bahasa Arab keseluruhannya.	3.11	.805	Tinggi

11	Peruntukan masa belajar bahasa Arab mencukupi.	2.89	.811	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.08</b>	<b>0.380</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 mendapati bahawa setiap nilai min tahap penilaian modul pembelajaran bahasa Arab bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai oleh item 3 (Modul bahasa Arab yang digunakan sukar bagi saya) dengan nilai min = 3.77 dengan sisihan piawai = 0.730. Seterusnya pada item 2 juga mendapat nilai min yang tinggi (Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan penguasaan saya dalam bahasa Arab) iaitu dengan nilai min = 3.20 dengan sisihan piawai 0.590. Seterusnya diikuti dengan item 1 (Modul bahasa Arab yang digunakan sesuai untuk pelajar tahfiz) iaitu dengan nilai min = 3.15 dengan sisihan piawai = 0.589. Nilai min yang terendah dicapai pada item 5 (Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran bertutur saya) dengan nilai min = 2.87 dengan sisihan piawai = 0.675. Ini diikuti dengan item no 6 (Modul bahasa Arab ini dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya) dengan nilai min = 2.98 dengan sisihan piawai = 0.605. Secara keseluruhannya, tahap penilaian modul pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.08 dengan sisihan piawai = 0.380.

### Perbincangan Kajian

Penilaian pelajar terhadap modul bahasa Arab ini adalah tinggi dalam membantu mereka meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Namun, pelajar mengakui bahawa modul yang digunakan berada pada tahap sederhana dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran bertutur dan mendengar.

Anggapan pelajar bahawa modul bahasa Arab adalah mudah menunjukkan sisi yang sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa cakupan modul adalah bersifat asas sahaja iaitu berfokus kepada kemahiran berbahasa semata. Modul yang digunakan tidak dikaitkan dengan al-Quran dalam pengajaran dan pembelajaran. Modul ini juga dilihat tidak memenuhi matlamat dan tidak mampu mencapai tahap keberkesanan bahasa Arab yang ingin dicapai khususnya dalam meningkatkan penguasaan individu ke arah memahami makna al-Quran. Berdasarkan kajian oleh Suhaila, Salamiah, Ummu Hani, Khazri, Zainuddin & Hakim (2012) di antara kekurangan dalam modul bahasa Arab yang sedia ada di Malaysia adalah kurangnya perbincangan tentang asas-asas perkataan yang digunakan dalam Al-Quran, kurangnya kaedah membaca penterjemahan ayat-ayat Al-Quran dengan bahasa yang mudah, kurangnya pentafsiran ayat Al-Qur'an melalui kaedah nahu sorof dan kurangnya rujukan melalui ayat-ayat Al-Quran per-kata.

Selain daripada itu, modul pengajaran yang digunakan dalam P&P dalam kelas tidak menyeluruh. Penggubalan modul bahasa Arab yang dihasilkan lebih menitikberatkan kemahiran membaca dan menulis dan kurang menfokuskan pada kemahiran mendengar dan bertutur.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, pembelajaran bahasa merupakan satu bidang yang kompleks merangkumi pelbagai bidang disiplin ilmu. Modul bahasa Arab untuk pengajaran & pembelajaran pelajar tahfiz al-Quran wal Qiraat perlu ditambahbaik. Justeru, digariskan beberapa cadangan berikut untuk tujuan penambahbaikan:

- 1) Penyediaan modul bahasa Arab untuk pelajar tahfiz perlu berbeza daripada pelajar lain. Modul ini perlu mengandungi elemen Al-Quran serta cara mencerakinkan ayat-ayat al-Quran dalam proses kemahiran berbahasa Arab.
- 2) Modul P&P bahasa Arab perlu menggabungkan antara kemahiran bahasa, ilmu bahasa dan ilmu al-Quran.
- 3) Penekanan hafazan hendaklah seiring dengan penguasaan kemahiran bahasa Arab.
- 4) Modul yang dibina perlu melibatkan latihan pengukuhan berfikir aras tinggi.
- 5) Mengaitkan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mengikut gaya pembelajaran tahfiz seperti keadah hafazan Al-Quran.

## Rujukan

### Al-Quran

- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2006. *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Pengajian Ilmu Retorik Arab*. VOT 75193. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah, Vol 1(1) 2014 : 9-16 (e-ISSN : 2289-6171)*.
- Farhana Idris & Munirah Azrae. 2015. Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran. E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015 (e-ISBN 978-967-0792-04-0). 8 & 9 June 2015, Meliá Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by <http://WorldConferences.net>
- Krejeceie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607 - 610.
- Mahyuddin Ashaari. Pendidikan Al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9, Bil.4, November 2001/1422*.
- Nazri Atoh, Saipol barin Ramli & Mohd. Zawawi Ag Hamat. Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. disunting oleh: Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA. ISBN 978-967-5478-78-9.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman. 2016. Pemilihan Kosa Kata Dalam Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Warga Emas. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 2(2), Disember 2016: 73-92*.
- Rosni Samah. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting Oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478-49-9.

Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail, Hakim Zainal. 2012. Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting Oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail. © Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478-49-9. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>.